

SOALAN NO.: 54

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK

KAWASAN : SEREMBAN

TARIKH : 06 APRIL 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB TUAN LOKE SIEW FOOK minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan untuk memastikan Jalan Seremban-Kuala Klawang dan Jalan Seremban-Mantin selamat untuk pengguna-pengguna jalan raya terutamanya untuk penunggang motosikal kerana keadaan kedua-dua jalan tersebut kurang memuaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memastikan Jalan Raya dalam keadaan selamat kepada pengguna Jalan Raya di bawah Senggaraan Kementerian termasuklah kepada penunggang motosikal di Jalan Seremban-Kuala Klawang dan Jalan Seremban-Mantin sebagaimana yang dibangkitkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara ‘core business’ Kementerian Kerja Raya ialah membina dan menyenggara jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara. Bagi kerja-kerja penyenggaraan jalan Persekutuan, dipecahkan kepada 3 cara kerja iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Kerja-kerja penyenggaraan ini dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi penyenggaraan yang telah dilantik oleh Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di laluan sebagaimana yang dibangkitkan, kerja-kerja **penyelenggaraan rutin** seperti penampalan lubang jalan (pothole), memotong rumput dan mencuci sistem saliran dan perparitan dilaksanakan oleh syarikat konsesi mengikut pusingan kerja yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dengan seliaan dan pemantauan oleh pihak JKR.

Di samping itu, pihak JKR dan syarikat konsesi juga sentiasa melaksanakan pemantauan di Jalan Persekutuan bagi memastikan keadaan jalan sentiasa berkeadaan baik dan selamat digunakan oleh pengguna melalui **pemeriksaan rutin**.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil pemantauan dan siasatan, jika didapati terdapat kerosakan jalan yang tidak kritikal, tindakan pembaikan sementara akan diambil dalam tempoh 24 jam dan pembaikan kekal dalam tempoh 3 hari. Manakala kerosakan yang melibatkan tindakan pembaikan yang rumit pula, tempoh masa pembaikan adalah tertakluk pada jenis tahap kerosakan dan kelulusan peruntukan daripada agensi melulus.

Sekian. Terima kasih.